

## KHUTBAH JUMAAT

### “INSTITUSI YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK WADAH KESEJAHTERAAN UMMAH”

(13 Oktober 2023M/ 27 Rabiulawal 1445H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَالْحُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ  
حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus

tajuk " *Institusi Yang Di-Pertua Negeri Sarawak Wadah Kesejahteraan Ummah* " .

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Seorang pemimpin merupakan khalifah Allah untuk melaksanakan amanah yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* di atas muka bumi ini. Salah satu amanah sebagai khalifah Allah ialah menyebarkan dasar Islam sebagai agama pembawa rahmat kepada manusia. Antara rahmat yang perlu disebar ialah berlaku adil kepada sesama manusia iaitu tidak membenci, tidak berlaku zalim, tidak melakukan penindasan, penipuan dan tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada manusia dan alam. Sifat adil merupakan ciri-ciri ketakwaan dalam Islam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Nahl, ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

**Maksudnya:** " *Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat baik dan memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan mungkar dan kezaliman. Ia mengajar kamu supaya kamu mengambil peringatan.* "

Pemimpin yang berlaku adil kepada rakyat akan mendapat pahala daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Begitu juga bagi rakyat yang mentaati pemimpin akan mendapat ganjaran yang sama. Sabda Rasullullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud:

*"Akan ada selepas aku pemimpin-pemimpin, maka hendaklah kamu taat kepada mereka, kerana pemimpin laksana perisai yang melindungi kamu, Jika mereka memimpin dengan baik, maka kamu dan mereka akan mendapat kebaikan, tetapi jika mereka memimpin dengan cara tidak baik, maka mereka akan menanggung akibatnya, manakala kamu terselamat daripada menanggung akibat perbuatan mereka."*

*(Hadis riwayat Imam al-Tabarani)*

Dalam beberapa hadis yang lain dinyatakan bahawa pemimpin yang adil akan dimakbulkan doanya oleh Allah *subhanahu wata'ala*, tindakannya bijaksana dan nasihatnya menjadi pedoman. Berkaitan dengan hal ini, Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( ثَلَاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمْ : الصَّائِمُ حَتَّى يُفْطِرَ وَالْإِمَامُ الْعَادِلُ وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ يَرْفَعُهَا اللَّهُ فَوْقَ الْغَمَامِ وَيَفْتَحُ لَهَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ وَيَقُولُ الرَّبُّ وَعِزَّتِي لَأَنْصُرَنَّكَ وَلَوْ بَعْدَ حِينٍ ))

**Maksudnya:** Tiga kelompok manusia yang doa mereka tidak tertolak adalah: orang yang berpuasa hingga berbuka, imam (pemimpin) yang adil, dan doa orang yang teraniaya (dizalimi). Allah mengangkat doa mereka di atas awan dan dibukakan baginya pintu-pintu langit. Allah berfirman: Demi keagungan-Ku Aku betul-betul akan menolongmu walaupun sesudah waktu ini.

*(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)*

Pemimpin yang adil disayangi rakyat jelata dan merupakan golongan yang terhormat di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Manakala rakyat sentiasa berdoa supaya rahmat berkekalan dicurahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* ke atas pentadbirannya. Manakala tempatnya di akhirat nanti akan mendapat naungan Allah *subhanahu wata'ala*. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud:

*((Tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah subhanahu wata'ala pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya. Pemimpin yang adil, pemuda yang menyibukkan dirinya beribadah kepada Allah subhanahu wata'ala, seorang yang hatinya selalu terikat dengan masjid, dua orang yang saling mencintai kerana Allah, berkumpul dan berpisahanya kerana Allah, seseorang lelaki yang diajak berzina oleh wanita yang kaya dan cantik, lalu ia menolaknya sambil berkata 'aku takut kepada Allah'. Seseorang yang bersedekah dengan secara sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diinfaqkan oleh tangan kanannya, serta seorang yang berzikir mengingati Allah dikala bersendirian hingga mengalir air matanya.))*

Ibnu Khaldun *rahimahullah* pernah berkata :

"النَّاسُ عَلَى دِينِ مُلُوكِهِمْ"

**Maksudnya:** Orang ramai mengikut agama pemimpin-pemimpin mereka.

Justeru, dengan baiknya pemimpin yang menjadi suri teladan, maka sudah tentu akan memberi kesan yang mendalam kepada rakyat.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam memainkan peranan penting mengurus dan mentadbir negeri agar selari dengan panduan Islam yang memberi penekanan terutamanya kepada prinsip keadilan dan rahmah (belas kasihan) demi kesejahteraan dunia dan akhirat, maka kepimpinan negeri di bawah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri melakukannya secara berhikmah atau *wasatiyyah* seperti yang berlaku pada zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* melalui Piagam Madinah.

Secara umumnya '*wasatiyyah*' adalah merujuk kepada pelaksanaan Islam secara berhikmah, seimbang bagi menentukan tidak berlaku kekerasan, kezaliman ke atas hak asasi kaum dan agama lain tetapi pada masa yang sama Islam terus dihargai dan dimartabatkan.

Konsep *wasatiyyah* telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sehingga ke hari ini telah banyak menyumbang kepada penyebaran ajaran Islam, mengelakkan kekeliruan dan ketakutan dalam kalangan orang bukan Islam serta mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat.

Bagi mengekalkan suasana aman damai ini, marilah kita sebagai rakyat Sarawak mengamalkan hidup penuh kasih sayang, bersatu-padu dan bertolak ansur antara masyarakat. Elakkan daripada terlibat dengan sebarang tindakan yang boleh menggugat atau mencemar keharmonian serta kedamaian yang kita nikmati.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kedaulatan Islam bertunjang kepada kekuatan kepimpinan. Oleh

sebab itu, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri sebagai ketua agama Islam dalam negeri ini berperanan untuk menjaga dan memelihara kesucian agama Islam agar terus kukuh dan dilestarikan. Maka, menjadi tanggungjawab para pemimpin untuk terus menjaga dan melaksanakan perkara-perkara yang membawa kebaikan kepada rakyat. Manakala, kita sebagai rakyat pula melaksanakan tanggungjawab memberikan ketaatan kepada kepimpinan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri sebagai ketua negeri.

Bersempena dengan Hari Kelahiran rasmi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, khatib menyeru para jemaah dan rakyat Sarawak untuk sama-sama mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan diteguhkan keimanan, dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan bagi memimpin negeri dan menjalankan tugas dengan sempurna. Semoga Sarawak terus dikekalkan nikmat kestabilan politik dan keamanan, keadilan, kemakmuran dan keselamatan sepanjang zaman.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

**Pertama** : Pemimpin merupakan khalifah Allah untuk melaksanakan amanah yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dengan penuh hikmah dan bijaksana.

**Kedua** : Pemimpin yang adil akan mendapat pahala, dimakbulkan doa, disayangi rakyat jelata dan akan mendapat naungan Allah di akhirat kelak.

**Ketiga** : Rakyat bertanggungjawab untuk mentaati pemimpin dengan memberikan sokongan dan bantuan dalam melaksanakan segala perkara yang membawa kepada kebaikan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa' , ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

**Maksudnya:** Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul dan kepada Ulii-Amri dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul-Nya jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا  
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ  
كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا  
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،  
إِهْزِمْهُمْ وَأَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ  
عَنْهُمْ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.